

## TERJEMAHAN KINAYAH DALAM WACANA AL-QURAN: ANALISIS TEORI SEMANTIK NEWMARK

*The Translation of Metonymy in Quranic Discourse: An Analysis Based on Semantic Theory by Newmark*

<sup>1</sup>Nasimah Abdullah, Lubna Abd. Rahman<sup>2</sup>, Saifullah Samsudin<sup>1</sup>,  
[nasimah@kuis.edu.my](mailto:nasimah@kuis.edu.my), [lubna@usim.edu.my](mailto:lubna@usim.edu.my), [saifulah@kuis.edu.my](mailto:saifulah@kuis.edu.my)

<sup>1</sup>Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

<sup>2</sup>Universiti Sains Islam Malaysia, USIM

### ABSTRAK

Dalam *al-Quran* terdapat pelbagai jenis unsur figuratif dan pakar bidang linguistik Arab menamakannya *majāzi*. Ungkapan figuratif ialah ayat yang mengandungi ungkapan yang tidak boleh diketahui maksudnya daripada makna perkataan itu sendiri atau daripada susunan tatabahasanya. Oleh itu, ayat tersebut perlu ditafsirkan dengan jelas agar maksud sebenarnya dapat disampaikan dengan tepat. *Kināyah* merupakan salah satu unsur figuratif yang digunakan untuk menyebut sesuatu ungkapan yang tidak memberi maksud atau pengertian zahirnya. Penulisan ini bertujuan meneliti terjemahan ayat *al-Quran* yang mengandungi gaya bahasa *kināyah* ke bahasa Melayu dengan penerapan teori semantik yang dikemukakan oleh Peter Newmark dalam buku beliau “*Approaches to Translation*” (1981) untuk melihat kesepadanan maksud sebenar yang terdapat dalam mesej *al-Quran* dengan teks sasaran. Kajian ini adalah kajian perpustakaan dan berbentuk kualitatif dalam menganalisis data. Bentuk analisis yang digunakan ialah analisis kandungan, analisis kontrastif dan analisis deskriptif. Analisis kandungan hanya fokus kepada membandingkan antara “*al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan*” yang diterbitkan oleh Yayasan Restu dengan “*Terjemahan al-Quran al-Karim Rasm Uthmani Dalam Bahasa Melayu*” yang diterbitkan oleh al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd. Manakala, dari segi pengukuran kesepadanan mesej bahasa sumber dengan bahasa sasaran, penyelidik berpegang kepada pentafsiran kitab-kitab tafsir yang muktabar seperti *Al-Baydhāwi*, *al-Tabari*, *Al-Qurtubi*, *Ibn Kathir*, *Al-Zamakhshari*, *Ibn ‘Asyūr* dan *Ibn ‘Atiyyah*. Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa pendekatan semantik adakalanya menepati kehendak makna sebenar mesej *al-Quran* iaitu terjemahan ayat 47 *Surah al-Imran* dan ayat 20 *Surah Maryam*. Hal ini kerana wujudnya persamaan makna melalui imej yang sama antara bahasa Arab

dengan bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, pendekatan semantik juga adakalanya menyebabkan maksud sebenar tidak dapat disampaikan dengan jelas dan boleh membawa kepada kesamaran makna terutama terjemahan ayat 222 *Surah al-Baqarah*, ayat 9 *Surah Ibrahim*, ayat 51 *Surah al-Isra'*, ayat 65 *Surah al-Anbiya'* dan ayat 4 *Surah al-Masad*. Hal ini kerana wujudnya perbezaan ciri linguistik, unsur budaya serta makna semantik antara bahasa Arab dengan bahasa Melayu. Justeru, penterjemah haruslah memilih pendekatan lain yang lebih sesuai semasa menterjemah untuk menyampaikan mesej bahasa sumber kepada bahasa sasaran agar pemahaman terhadap maksud teks yang sebenar dapat dicapai.

**Kata kunci:** Newmark, Pendekatan Semantik, Kinayah, al-Quran, Melayu.

### ABSTRACT

*In the Qur'an, there are various types of figurative locutions and the Arabic linguistics experts call them majāzi. A figurative phrase is a sentence that contains an expression that can not be understood by the meaning of the word itself or from its grammatical structure. Therefore, it should be clearly explained so that its true meaning can be accurately conveyed. Kināyah is one of the figurative locutions used to refer to an expression that does not imply its actual meaning. The purpose of this study is to examine the translation of kināyah in the Quranic verses into Malay based on Semantic Theory proposed by Peter Newmark in his book "Approaches to Translation" (1981) to find out the equivalence in its meaning between the Quranic text and the target text. This study utilized two approaches: library research and qualitative approach. The forms of analysis used were content analysis, contrastive analysis and descriptive analysis. Content analysis focuses only on comparing "al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan" published by Yayasan Restu and "Terjemahan al-Quran al-Karim Rasm Uthmani Dalam Bahasa Melayu" published by al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd. To measure the equivalence between the source language messages and the target text, the researchers adhere to the interpretations by Muslim scholars in their exegesis such as Al-Baydhāwi, al-Tabari, Al-Qurtubi, Ibn Kathir, Al-Zamakhsyari, Ibn 'Asyūr and Ibn' Atiyyah. It is found that semantic approach could convey the true meaning of the Quranic message as found in the translation of verse 47 Surah al-Imran and verse 20 Surah Maryam. This is because there are similar meanings through the same image between Arabic and Malay. However, in some instances*

---

*this approach could not deliver the actual meaning clearly and this would lead to ambiguity, especially the translation of verse 222 Surah al-Baqarah, verse 9 Surah Ibrahim, verse 51 Surah al-Isra ', verse 65 Surah al-Anbiya' and verse 4 Surah al-Masad. This is due to the differences in linguistic characteristics, cultural elements and semantic meanings between Arabic and Malay. Thus, translators should choose appropriate approach when translating kināyah to deliver the message from source text to target text so that the understanding of its true meaning can be achieved.*

**Keywords:** *Newmark; Semantic Approach; Metonymy; al-Quran; Malay Language.*

## 1.0 PENDAHULUAN

Sebelum kurun ke-20, pendekatan terjemahan yang dibincangkan oleh para sarjana hanya terbatas kepada terjemahan literal (*literal translation*) dan terjemahan bebas (*free translation*) (Newmark: 1994). Selepas kurun ke-20 barulah teori terjemahan berkembang pesat ekoran dari sumbangan ilmu semantik, linguistik kontrastif dan linguistik teks kepada bidang pengajian terjemahan (Hatim & Mason, 1992). Kesan daripada pengembangan teori terjemahan telah munculnya pelbagai pendekatan terjemahan. Satu perkara yang pasti, para sarjana bidang pengajian terjemahan memberikan definisi yang berbeza tentang terjemahan. Bahkan mereka juga mengemukakan pendekatan terjemahan yang berlainan antara satu sama lain. Hal ini demikian kerana mereka mempunyai perspektif yang tidak sama tentang konsep kesepadanan terjemahan serta mempunyai mazhab terjemahan yang berlainan.

Nida dan Taber (1982) mendefinisikan terjemahan sebagai penyalinan semula maklumat ke dalam bahasa penerima daripada bahasa sumber dalam bentuk persamaan yang terdekat dan sejadi, pertama dari segi makna dan kedua dari segi gayanya. Hasilnya beliau telah mengutarakan konsep “terjemahan dinamis” (*dynamic translation*).

Manakala, Newmark (1981) pula menyatakan terjemahan adalah suatu kemahiran (atau kesenian) yang terangkum dalamnya usaha menggantikan mesej atau pernyataan bertulis dalam satu bahasa dengan mesej atau pernyataan yang sama dalam bahasa lain. Hasilnya beliau telah mengemukakan dua jenis terjemahan iaitu i) terjemahan semantik” (*semantic translation*) dan ii) terjemahan komunikatif” (*communicative translation*). Fungsi dan matlamat kedua-dua teori terjemahan Newmark ini sama iaitu memindahkan mesej yang ada dalam teks sumber ke bahasa sasaran agar difahami oleh pembaca dengan sebaiknya.

Penulisan ini hanya fokus kepada pendekatan semantik yang dikemukakan oleh Peter Newmark dalam buku beliau “*Approaches to Translation*” (1981) bertujuan meneliti terjemahan ayat *al-Quran* yang mengandungi gaya bahasa *kināyah* (*metonymy*) ke bahasa Melayu dengan penerapan teori semantik untuk melihat kesepadanan maksud sebenar yang terdapat dalam mesej al-Quran dengan teks sasaran.

Apabila membincangkan terjemahan al-Quran ke bahasa lain, sewajarnya dijelaskan terlebih dahulu bahawa al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab yang mempunyai keistimewaan dan ciri-ciri bahasa yang unik selain mengandungi unsur retorik yang tinggi. Antara unsur retorik yang dimaksudkan termasuklah unsur figuratif seperti *kinayah*.

*Kināyah* bermaksud menyebut sesuatu ungkapan yang dimaksudkan dengan pengertian lain yang bukan pengertian zahirnya, seperti menggunakan ungkapan ( لغة الضاد ) yang bermaksud bahasa Arab (Kamus Besar Arab-Melayu Dewan: 2006). Menurut Siti Saodah (1999), *kināyah* merupakan ungkapan yang mempunyai maksud sindiran dan boleh digunakan untuk maknanya yang asal seperti ungkapan ( كَثِيرُ الرَّمَاد ) digunakan kepada orang yang pemurah.

Proses penterjemahan bukan hanya melibatkan masalah linguistik, malah juga berkait dengan masalah budaya. Justeru, penterjemah mesti memahami bahasa sumber bukan hanya dari sudut linguistik, tetapi juga dari segi latar belakang budaya. Isu *kinayah* merupakan sebahagian daripada cabaran kepada penterjemah dalam proses penterjemahan.

Teori terjemahan semantik pula memberi penekanan kepada usaha menghasilkan ujaran penulis asal (iaitu bahasa sumber) dengan setepat dan sehampir mungkin dalam bahasa sasaran dengan cuba mengekalkan sifat khusus teks asal. Ironinya, terjemahan tersebut bersifat setia kepada bentuk, laras dan pola yang ada pada teks sumber, serta berkisar dalam unsur budaya teks sumber (Newmark, 1981). Dalam erti kata lain, teori terjemahan semantik bermaksud cuba menghuraikan makna konteks setepat-tepatnya yang terdapat dalam teks asal, setakat yang dibenarkan oleh struktur semantik dan sintaksis bahasa kedua itu (Newmark, 1994). Dengan demikian, penterjemah tidak akan menyesuaikan mesej teks asal mengikut budaya sasaran.

Secara umumnya, teori terjemahan semantik ini mempunyai persamaan dengan teori kesamaan formal (*formal equivalence*) yang dikemukakan oleh Nida dan Taber (1982). Jika dilihat dari segi parameter hubungan dengan teks sumber, didapati teori

terjemahan semantik sentiasa tunduk dan akur kepada teks sumber walau pun berkemungkinan akan berlaku kehilangan makna (Munday, 2001). Jika dilihat dari segi parameter budaya, didapati teori terjemahan semantik sentiasa kekal dalam budaya bahasa sumber (Munday, 2001).

Persoalan yang timbul di sini, adakah teori terjemahan semantik tersebut boleh diaplikasikan dalam penterjemahan teks agama terutamanya gaya bahasa *kināyah* yang terdapat dalam teks berbentuk kudus seperti *al-Quran*? Dalam pengetahuan penulis, belum ada kajian ilmiah lengkap yang cuba menerapkan teori tersebut dalam isu ungkapan figuratif ini. Jika ada pun, kajian adalah hanya dari sudut pandangan dan prosedur yang dikemukakan oleh Mildred Larson (1984) seperti kajian oleh Nasimah Abdullah (2015) yang telah membuktikan dalam dapatan tesis beliau bahawa lima (5) prosedur atau tatacara Larson dalam menterjemahkan *kinayah* sebenarnya terhasil dalam cara dan kaedah terjemahan para penterjemah *al-Quran* ke Bahasa Melayu seperti Mahmud Yunus, Abdullah Basmeih, dan Zaini Dahlan. Walaupun ia tidak berlaku secara langsung, namun penggunaan teori tetap ada.

Terdapat satu kajian yang telah meneliti terjemahan *al-Quran* dari sudut peringkat leksikal qala (قَالَ) dan derivasinya dalam *surah al-Kahf* dengan menghuraikan sampel kajian berdasarkan teori semantik dan komunikatif Newmark oleh Azani Ismail @ Yaakub dan lain-lain (2015). Kajian tersebut mendapati bahawa penterjemah iaitu Yusoff Zaky mengimbangi penggunaan antara teori terjemahan semantik dengan komunikatif mengikut konteks ayat *al-Quran* dan ini secara tidak langsung boleh dirumuskan bahawa para penterjemah teks berbentuk kudus menggunakan teori terjemahan moden tersebut walaupun ia secara tidak langsung. Namun begitu, kajian ini hanyalah khusus pada pengkajian peringkat leksikal sahaja dan ini berbeza sama sekali dengan kajian penulis yang akan melihat pada peringkat yang lebih luas lagi iaitu makna figuratif.

Terdapat juga kajian yang menfokuskan terjemahan metafora yang terdapat dalam hadis kitab terjemahan *Riyadh al-Salihin* terbitan JAKIM yang dibuat oleh Saifulah Samsudin (2015). Kajian ini menggunakan teori semantik dan komunikatif Newmark sebagai landasan utama dengan memberikan tumpuan kepada tujuh prosedur penterjemahan metafora yang diperkenalkan oleh Newmark. Kajian ini mendapati metafora korpus kajian dapat dinilai dengan

menggunakan teori Semantik & Komunikatif. Dapatan menunjukkan pendekatan terjemahan metafora yang diguna pakai dalam korpus kajian merangkumi tiga jenis iaitu, penterjemahan semantik, penterjemahan komunikatif serta gabungan antara penterjemahan semantik dan komunikatif. Dari aspek teknik terjemahan, kajian menunjukkan korpus kajian hanya menggunakan empat prosedur terjemahan metafora daripada tujuh prosedur yang diperkenalkan Newmark dengan prosedur pengekalan imej yang sama dalam bahasa sasaran menunjukkan penggunaan yang paling tinggi. Namun kajian ini hanya menfokuskan elemen figuratif dari jenis metafora (*isti'arah*) sahaja tanpa menyentuh elemen *kinayah* yang terdapat alam korpus kajian.

Oleh itu, kajian ini amat relevan untuk menjawab kepelbagaian persoalan dan tanggapan tentang kesesuaian mengaplikasikan teori terjemahan moden daripada sarjana Barat kepada teks *al-Quran*.

## 2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian perpustakaan dan berbentuk kualitatif dalam menganalisis data. Bentuk analisis yang digunakan pula ialah analisis kontrastif, analisis kandungan dan analisis deskriptif.

Analisis kontrastif yang dijalankan dalam kajian ini melibatkan terjemahan dua bahasa iaitu i) bahasa Arab sebagai bahasa sumber dan ii) bahasa Melayu sebagai bahasa sasaran. Perbandingan yang dibuat adalah berkaitan dengan gaya bahasa *kināyah* yang terdapat dalam teks *al-Quran* dan terjemahannya ke bahasa Melayu. Data korpus ialah ayat 47 *Surah al-Imran*, ayat 20 *Surah Maryam*, ayat 222 *Surah al-Baqarah*, ayat 9 *Surah Ibrahim*, ayat 51 *Surah al-Isra'*, ayat 65 *Surah al-Anbiya'* dan ayat 4 *Surah al-Masad*. Dari segi pengukuran kesepadanan mesej bahasa sumber dengan bahasa sasaran, penulis berpegang kepada pentafsiran kitab-kitab tafsir yang muktabar seperti *Al-Baydhāwi*, *al-Tabari*, *Al-Qurtubi*, *Ibn Kathir*, *Al-Zamakhshari*, *Ibn 'Asyūr* dan *Ibn 'Atiyyah*.

Analisis kandungan juga terlibat dalam proses analisis data untuk kajian ini. Analisis kandungan merupakan satu kaedah yang digunakan untuk mengamati, membuat kesimpulan dan menilai sesuatu bahan yang diterima (Syed Arabi, 2002). Analisis kandungan juga biasanya dijalankan secara objektif, sistematik dan kuantitatif (Berelson, 1952). Analisis kandungan bagi kajian ini hanya fokus kepada membandingkan antara "*al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan*" yang diterbitkan oleh Yayasan Restu dengan "*Terjemahan al-Quran al-Karim*

*Rasm Uthmani Dalam Bahasa Melayu*” yang diterbitkan oleh al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd.

Selain itu, analisis deskriptif juga digunakan dalam kajian ini untuk memberikan gambaran sejelas-jelasnya tentang bagaimana unsur *kinayah al-Quran* diterjemahkan ke bahasa Melayu berdasarkan prinsip dalam teori semantik. Ini bertepatan dengan definisi yang diberikan oleh Syed Arabi (2002) bahawa analisis deskriptif adalah situasi di mana penulis cuba memberikan gambaran tentang keadaan yang sedia ada.

Penerapan sesuatu teori dalam kajian pula adalah sangat perlu demi memastikan huraian data yang disandarkan pada teori yang dipegang boleh menjamin kewibawaan, kerasionalan dan keempirisan sesuatu kajian (Nor Hashimah Jalaluddin, 1996). Oleh itu, proses analisis yang dilaksanakan dalam kajian ini adalah berdasarkan kerangka Teori Semantik yang diperkenalkan oleh Peter Newmark (1981).

Berdasarkan tanggapan awal penulis, Teori Semantik Newmark tidak sesuai diterapkan dalam terjemahan *kinayah* yang terdapat dalam teks *al-Quran* kerana *kinayah* merupakan satu ungkapan yang maknanya tidak boleh diketahui daripada makna perkataan itu sendiri. Situasi ini seolah-olah mendesak penterjemah menggunakan pendekatan lain atau membuat pentafsiran dalam menterjemahkan *kinayah* ke bahasa Melayu demi menyampaikan mesej yang terkandung dalam teks sumber.

Selain itu, perbezaan rumpun bahasa dan budaya antara Arab dan Melayu juga tidak memungkinkan penggunaan teori semantik yang lebih setia untuk mengekalkan bentuk, laras dan pola teks sumber. Pengekalan bentuk, laras dan pola teks sumber mungkin boleh menyebabkan kesamaran dan kekeliruan kepada makna sebenar teks sumber kerana wujudnya perbezaan dalam sistem linguistik dan struktur semantik antara kedua-dua bahasa tersebut. Oleh itu, penulis beranggapan bahawa penterjemah perlu mengambil pendekatan lain agar *kinayah al-Quran* dapat ditafsirkan dengan jelas untuk mencapai maksud sebenarnya dengan tepat.



### 3.0 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Untuk menelusuri terjemahan gaya bahasa *kinayah* dalam *al-Quran*, perbandingan dilakukan antara dua (2) terjemahan *al-Quran* iaitu i) “*al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan*” yang diterbitkan oleh Yayasan Restu dan ii) “*Terjemahan al-Quran al-Karim Rasm Uthmani Dalam Bahasa Melayu*” yang diterbitkan oleh al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd. untuk melihat strategi atau pendekatan penterjemah menyampaikan maksud ayat tersebut. Terjemahan Yayasan Restu disimbolkan dalam bahagian analisis ini dengan Terjemahan A, manakala terjemahan al-Hidayah House of Quran disimbolkan sebagai Terjemahan B.

Untuk tujuan analisis ini, penulis telah memilih secara rawak sebanyak tujuh (7) sampel ayat *al-Quran* yang mengandungi gaya bahasa *kinayah*. Setelah meneliti dan mengamati kedua-dua teks terjemahan yang dijadikan korpus kajian, penulis mendapati bahawa lima (5) ayat terjemahan adalah tidak menepati dan tidak mencapai mesej yang dimaksudkan dalam teks sumber ekoran perbezaan unsur linguistik, struktur semantik dan budaya antara bahasa Arab dan Melayu. Apa yang menarik, penulis mendapati dua (2) ayat terjemahan lagi adalah menepati maksud sebenar yang dibawa oleh teks sumber walaupun ia mengekalkan bentuk asal teks sumber. Ini secara tidak langsung menjawab persoalan dan tanggapan awal penulis yang digariskan sebelum ini. Penulis meletakkan garisan di bawah perkataan, frasa atau ayat yang mengandungi unsur *kinayah*.

Penulis membahagikan analisis ini kepada dua (2) bahagian berdasarkan pencapaian makna yang dimaksudkan oleh teks sumber iaitu *al-Quran* dan sebaliknya.

#### 3.1 Terjemahan yang tidak mencapai makna yang dimaksudkan oleh *al-Quran*.

Dikemukakan di sini lima (5) contoh terjemahan ayat *al-Quran* yang tidak mencapai makna yang dimaksudkan oleh *al-Quran* ekoran pengekalan bentuk yang ada pada teks sumber iaitu dengan cara menghuraikan makna konteks yang terdapat dalam teks asal mengikut struktur semantik semata-mata. Penterjemah tidak membuat penyesuaian mesej teks asal (iaitu *al-Quran*) mengikut budaya sasaran (iaitu budaya Melayu).

Contoh 1:

Jadual 1: Ayat 222 Surah al-Baqarah

Teks Sumber	Teks Sasaran
<p>﴿وَسَأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ هُوَ أَذًى فَاعْتَرِلُوا الْبَسَاءَ فِي الْمَحِيضِ وَلَا تَقْرُبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهُرْنَ...﴾</p>	<p><b>Terjemahan A</b></p> <p>Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hukum) haid. Katakanlah, “Darah haid itu satu benda yang (menjijikkan dan) mendatangkan mudarat.” Oleh sebab itu <u>hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri kamu)</u> dalam masa datang darah haid itu, dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci.</p>
	<p><b>Terjemahan B</b></p> <p>Mereka bertanya kepadamu tentang haid. Katakanlah: “Haid itu adalah kotoran.” Oleh sebab itu, hendaklah kamu menjauhkan diri dari wanita di waktu haid dan <u>janganlah kamu mendekati mereka</u> sebelum mereka suci.</p>

Ayat (لا تقربوهن) merupakan *kinayah* kepada larangan menyetubuhi isteri ketika berada dalam masa haid (al-Zamakhsyari, 1995; Ibn ‘Atiyyah, 2001). Ungkapan tersebut jika diterjemahkan secara literal bermaksud “dan janganlah kamu mendekati mereka”. Penterjemahan sebegini menyebabkan maksud sebenar ungkapan *kinayah* tidak dapat disampaikan dengan jelas.

Jadual 1 menunjukkan bahawa Terjemahan B cenderung kepada teori terjemahan semantik kerana setia kepada bentuk teks sumber, serta berkisar dalam unsur budaya teks sumber. Hal ini kerana Terjemahan B menghuraikan makna konteks yang terdapat dalam teks asal setakat yang dibenarkan oleh struktur semantik dan sintaksis bahasa sasaran. Ini berbeza sama sekali dengan Terjemahan A yang cuba menyesuaikan mesej teks asal mengikut budaya sasaran dengan cara menggabungkan pendekatan semantik secara modulasi dan komunikatif secara peluasan. Semantik secara modulasi dapat diperhatikan pada penggunaan ungkapan “menjauhkan diri” sebagai ganti kepada “jangan mendekati”. Manakala komunikatif secara peluasan pula adalah penggunaan pentafsiran yang diletakkan dalam kurungan iaitu (jangan bersetubuh dengan isteri kamu). Penulis berpendapat bahawa kecondongan Terjemahan

B kepada teori semantik tidak dapat menyampaikan maksud sebenar ayat tersebut, malah boleh mengelirukan pembaca sasaran.

Contoh 2:

Jadual 2: Ayat 9 Surah Ibrahim

Teks Sumber	Teks Sasaran
<p>﴿أَلَمْ يَأْتِكُمْ نَبُؤُا الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ قَوْمِ نُوحٍ وَعَادٍ وَثَمُودَ وَالَّذِينَ مِن بَعْدِهِمْ لَا يَعْلَمُهُمْ إِلَّا اللَّهُ جَاءَتْهُمْ رُسُلُهُم بِالْبَيِّنَاتِ فَرَدُّوا أَيْدِيَهُمْ فِي أَفْوَاهِهِمْ وَقَالُوا إِنَّا كَفَرْنَا بِمَا أُرْسِلْتُمْ بِهِ...﴾</p>	<p><b>Terjemahan A</b></p> <p>Bukankah telah datang kepada kamu khabar berita orang yang sebelum kamu, iaitu kaum (Nabi) Nuh, ‘Ad dan Thamud serta kaum sesudah mereka? Tidak ada sesiapa pun yang mengetahui jumlah mereka melainkan Allah. Mereka telah didatangi oleh rasul-rasul mereka dengan membawa keterangan-keterangan yang nyata, lalu <u>mereka meletakkan tangan-tangan ke mulut mereka</u> sambil berkata, “Sesungguhnya kami mengingkari apa yang kamu sampaikan itu...”</p>
	<p><b>Terjemahan B</b></p> <p>“Apakah belum sampai kepadamu berita orang sebelum kamu (iaitu) kaum Nuh, ‘Aad, Thamud dan orang setelah mereka? Tidak ada yang mengetahui tentang mereka selain Allah.” Telah datang rasul-rasul kepada mereka (membawa) bukti-bukti yang nyata, <u>lalu mereka meletakkan tangan ke mulut mereka (kerana kebencian)</u> sambil berkata : “Sesungguhnya kami tidak percaya akan (bukti bahawa) kamu diutus (kepada kami)...”</p>

*Al-Baydhawi* (2003), *al-Tabari* (2005) dan *al-Zamakhshari* (1995) menyatakan bahawa ayat (ردوا أيديهم في أفواههم) bukan membawa pengertian hakiki, tetapi merupakan *kinayah* yang menggambarkan perasaan bosan, meluat, tidak senang hati, kemarahan, ejekan atau persendaan kaum Nuh, ‘Aad dan Thamud kepada apa yang dibawa oleh para rasul. Ungkapan (رَدُّوا أَيْدِيَهُمْ فِي أَفْوَاهِهِمْ) jika diterjemahkan secara literal bermaksud “mereka meletakkan tangan mereka pada mulut mereka”.

Berdasarkan Jadual 2, dapat diperhatikan bahawa kedua-dua terjemahan menggunakan pendekatan semantik iaitu dengan mengekalkan bentuk, laras dan pola teks sumber, tetapi Terjemahan B menambah frasa dalam bentuk kurungan (kerana kebencian) iaitu menggunakan strategi eksplisitasi untuk menyatakan sebab perbuatan itu dilakukan. Ini bermakna kedua-dua terjemahan cuba mengekalkan sifat khusus teks asal.

Penulis berpendapat bahawa pengekaln bentuk, laras dan pola teks sumber dalam terjemahan ayat tersebut menyebabkan berlaku kehilangan makna kerana wujudnya perbezaan dalam sistem linguistik, struktur semantik dan unsur budaya antara kedua-dua bahasa Arab dan Melayu. Oleh itu, penulis berpandangan bahawa pendekatan Terjemahan B yang menggunakan strategi eksplisitasi adalah lebih baik berbanding Terjemahan A kerana *kinayah al-Quran* dapat ditafsirkan dengan lebih jelas untuk mencapai maksud sebenar dengan tepat.

Contoh 3:

Jadual 3: Ayat 51 Surah al-Isra'

Teks Sumber	Teks Sasaran
<p>﴿أَوْ خَلْقًا مِّمَّا يَكْبُرُ فِي صُدُورِكُمْ فَسَيَقُولُونَ مَنْ يُعِيدُنَا قُلِ الَّذِي فَطَرَكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ فَسَيُنْغِضُونَ إِلَيْكَ رُءُوسَهُمْ وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هُوَ...﴾</p>	<p><b>Terjemahan A</b></p> <p>Atau lain-lain makhluk yang terlintas di hati kamu yang tidak mungkin hidupnya,” Mereka pula akan bertanya, “Siapakah yang akan mengembalikan kita hidup semula?” Katakanlah: “Allah yang menjadikan kamu pada mulanya!” <u>Maka mereka akan menggeleng-geleng kepala mereka</u> kepadamu sambil bertanya <b>secara mengejek</b>, “Bila berlakunya?”...</p>
	<p><b>Terjemahan B</b></p> <p>Atau suatu makhluk daripada makhluk yang tidak mungkin (hidup) menurut fikiranmu.” Maka mereka akan bertanya: “Siapa yang akan menghidupkan kami kembali?” Katakanlah: “Yang telah menciptakan kamu pertama kali.” <u>Lalu mereka akan menggeleng-gelengkan kepala mereka</u> kepadamu dan berkata: “Bila itu (akan terjadi)?”...</p>

Kinayah dalam ayat di atas adalah pada ungkapan (سينغضون إليك رؤوسهم). Menurut *al-Baydhawi* (2003), *al-Zamakhshari* (1995) dan *Ibn 'Asyūr* (1984), maksud ungkapan itu ialah takabbur, kesombongan atau keangkuhan. Jika ungkapan (إنغاض الرأس) diterjemahkan secara literal (iaitu menggelengkan kepala), ungkapan tersebut pastinya membawa kepada kekeliruan makna sebenar yang dimaksudkan oleh ayat *al-Qur'an* itu. Hal ini terjadi kerana wujudnya perbezaan dalam sistem linguistik, struktur semantik dan unsur budaya antara kedua-dua bahasa Arab dan Melayu.

Pada pemerhatian penulis, kedua-dua terjemahan A dan B cenderung kepada teori terjemahan semantik kerana setia kepada bentuk teks sumber, laras dan pola teks sumber serta berkisar dalam unsur budaya teks sumber. Hal ini kerana kedua-duanya menghuraikan makna konteks yang terdapat dalam teks asal setakat yang dibenarkan oleh struktur semantik dan sintaksis bahasa sasaran. Namun, Terjemahan A dalam waktu yang sama seolah-olah cuba membuat eksplisitasi apabila menambah frasa “secara mengejek” dalam ayat selepasnya. Penambahan ini berkemungkinan besar sebagai satu usaha untuk menjelaskan maksud ungkapan *kinayah* yang terkandung dalam ayat *al-Quran* tersebut iaitu takabbur, kesombongan atau keangkuhan. Oleh itu, pada pandangan penulis Terjemahan A adalah lebih baik daripada Terjemahan B.

Contoh 4:

Jadual 4: Ayat 65 Surah al-Anbiya'

Teks Sumber	Teks Sasaran
<p>﴿ثُمَّ نَكَّسُوا عَلَىٰ رُءُوسِهِمْ لَقَدْ عَلِمْتُمْ مَا هَٰؤُلَاءِ يَنْطِقُونَ﴾</p>	<p><b>Terjemahan A</b> Kemudian mereka menundukkan kepala, lalu berkata, “Sesungguhnya engkau (wahai Ibrahim), telah sedia mengetahui bahawa berhala-berhala itu tidak dapat berkata-kata (maka kenapa engkau menyuruh kami bertanya kepadanya)?”</p>
	<p><b>Terjemahan B</b> Kemudian kepala mereka jadi tertunduk (1) (lalu berkata): “Sesungguhnya kamu (wahai Ibrahim) telah mengetahui bahawa berhala-berhala itu tidak dapat berbicara.”  (1) Mereka kembali membangkang setelah sadar.</p>

Kinayah dalam ayat di atas adalah pada ungkapan (نَكِسُوا عَلَى رُءُوسِهِمْ). Menurut *al-Baydhawi* (2003) dan *Al-Zamakhshari* (1995), ungkapan tersebut bukan membawa pengertian hakiki, bahkan ia merupakan kiasan kepada sikap orang-orang kafir yang telah mengubah fikiran mereka daripada kebenaran Islam kepada kebatilan iaitu menyembah berhala. Ungkapan tersebut jika diterjemahkan secara literal bermaksud “mereka menundukkan kepala mereka”. Jika penterjemah menggunakan pendekatan terjemahan secara literal, hal ini boleh menyebabkan maksud sebenar ayat tidak dapat disampaikan dengan jelas dan boleh mengelirukan pembaca. Keadaan ini terjadi kerana wujudnya perbezaan dalam sistem linguistik, struktur semantik dan unsur budaya antara kedua-dua bahasa Arab dan Melayu.

Pada pemerhatian penulis, kedua-dua terjemahan A dan B cenderung kepada teori terjemahan semantik kerana setia kepada bentuk teks sumber, laras dan pola teks sumber serta berkisar dalam unsur budaya teks sumber. Hal ini kerana kedua-duanya menghuraikan makna konteks yang terdapat dalam teks asal setakat yang dibenarkan oleh struktur semantik dan sintaksis bahasa sasaran. Namun, Terjemahan B dalam waktu yang sama dilihat menggunakan eksplisitasi untuk menambah informasi melalui teknik nota kaki. Penambahan ini berkemungkinan besar sebagai satu usaha untuk menjelaskan maksud ungkapan *kinayah* yang terkandung dalam ayat *al-Quran* tersebut. Oleh itu, pada pandangan penulis Terjemahan B adalah lebih baik daripada Terjemahan A.

Usaha Terjemahan B patut dipuji kerana cuba untuk memberi penjelasan makna, tetapi penulis berpandangan ayat “Mereka kembali membangkang setelah sedar” yang terdapat dalam nota kaki tidak berapa jelas. Di sini penulis kemukakan cadangan terjemahan lain agar maksud ayat kinayah dapat difahami dengan lebih jelas walaupun mengekalkan bentuk asal teks sumber iaitu seperti berikut:

“Kemudian mereka menundukkan kepala (**kembali menjadi kafir**, katanya): Sesungguhnya engkau telah tahu bahawa tuhan-tuhan ini tidak pandai berbicara”.

Contoh 5:

Jadual 5: Ayat 4 Surah al-Masad

Teks Sumber	Teks Sasaran
<p style="text-align: center;">﴿وَأَمْرَأَتُهُ حَمَّالَةَ الْحَطَبِ﴾</p>	<p style="text-align: center;"><b>Terjemahan A</b></p> <p>Dan juga isterinya, seorang perempuan <u>pemungkah kayu api</u>.</p>
	<p style="text-align: center;"><b>Terjemahan B</b></p> <p>Dan (begitu juga binasalah) isterinya, <u>pembawa kayu bakar (1)</u>.</p> <p>(1) Pembawa kayu api dalam bahasa Arab adalah kiasan bagi menyebarkan fitnah. Isteri Abu Lahab disebut pembawa kayu bakar kerana dia selalu menyebarkan fitnah untuk memburuk-burukkan Nabi Muhammad dan kaum muslimin.</p>

Perkataan (امرأة) dalam ayat di atas adalah merujuk kepada isteri Abu Lahab bernama Arwa' dan dia merupakan saudara perempuan kepada Abu Sufian. Ada pentafsir yang menyatakan (حمالة الحطب) ialah kiasan kepada sifat yang suka menabur fitnah, mengadu domba dan mengumpat (*al-Tabari, 2005; al-Baydhawi, 2003; al-Qurtubi, 2000; Ibn Kathir, 2000*).

Ungkapan tersebut jika diterjemahkan secara literal bermaksud “seorang perempuan pemungkah kayu api”. Jika penterjemah menggunakan pendekatan terjemahan secara literal, hal ini boleh menyebabkan maksud sebenar ayat tidak dapat disampaikan dengan jelas dan boleh mengelirukan pembaca. Keadaan ini terjadi kerana wujudnya perbezaan dalam sistem linguistik, struktur semantik dan unsur budaya antara kedua-dua bahasa Arab dan Melayu.

Pada pemerhatian penulis, kedua-dua terjemahan A dan B cenderung kepada teori terjemahan semantik kerana setia kepada bentuk teks sumber, laras dan pola teks sumber serta berkisar dalam unsur budaya teks sumber. Hal ini kerana kedua-duanya menghuraikan makna konteks yang terdapat dalam teks asal setakat yang dibenarkan oleh struktur semantik dan sintaksis bahasa sasaran. Namun, Terjemahan B dalam waktu yang sama dilihat menggunakan eksplisitasi untuk menambah informasi melalui teknik nota kaki. Penambahan ini berkemungkinan besar sebagai satu usaha untuk

menjelaskan maksud ungkapan *kinayah* yang terkandung dalam ayat *al-Quran* tersebut. Oleh itu, pada pandangan penulis Terjemahan B adalah lebih baik daripada Terjemahan A.

### 3.2 Terjemahan yang mencapai makna yang dimaksudkan oleh al-Quran.

Dikemukakan di sini dua (2) contoh terjemahan ayat al-Quran yang mencapai makna yang dimaksudkan oleh al-Quran walaupun penterjemah mengekalkan bentuk yang ada pada teks sumber. Penterjemah menjelaskan makna konteks yang terdapat dalam teks asal mengikut struktur semantik tanpa membuat penyesuaian mesej teks asal (iaitu al-Quran) mengikut budaya sasaran (iaitu budaya Melayu).

Contoh 1:

Jadual 6: Ayat 47 Surah al-Imran

Teks Sumber	Teks Sasaran
<p>﴿قَالَتْ رَبِّ أَنَّىٰ يَكُونُ لِي وَلَدٌ وَلَمْ يَمَسِّنِي بَشَرٌ﴾                      ﴿قَالَ كَذَٰلِكَ أَلَّهٖ يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ ...﴾</p>	<p><b>Terjemahan A</b></p> <p>Maryam berkata, “Wahai Tuhanku! Bagaimanakah aku akan beroleh seorang anak, <u>padahal aku tidak pernah disentuh oleh seorang lelaki pun?</u>” Allah berfirman: “Demikianlah Allah menciptakan apa yang dikehendaki-Nya.</p>
	<p><b>Terjemahan B</b></p> <p>Maryam berkata: “Ya Tuhanku, bagaimana mungkin aku mempunyai anak, <u>padahal aku belum pernah disentuh oleh seorang lelaki pun.</u>” Allah berfirman (dengan perantara Jibril): “Demikianlah Allah menciptakan apa yang dikehendakiNya.</p>



Contoh 2:

Jadual 7: Ayat 20 Surah Maryam

Teks Sumber	Teks Sasaran
<p>﴿قَالَتْ أَنَّىٰ يَكُونُ لِي غُلَامٌ وَلَمْ يَمَسِّنِي بَشَرٌ﴾ ﴿وَلَمْ أَكُ بَغِيًّا﴾</p>	<p><b>Terjemahan A</b></p> <p>Maryam bertanya, “Bagaimanakah aku akan beroleh seorang anak lelaki, <u>padahal aku tidak pernah disentuh oleh seorang lelaki pun</u> dan aku pula bukan perempuan jahat (pelacur)?”</p>
	<p><b>Terjemahan B</b></p> <p>Maryam berkata: “Bagaimana akan ada bagiku seorang anak lelaki, <u>sedangkan tidak pernah seorang manusia pun menyentuhku</u> dan aku bukan (pula) seorang penzina!”</p>

Perkataan (مس) dalam kedua-dua ayat dalam Jadual 6 dan Jadual 7 di atas bukanlah bermaksud sentuhan secara hakiki kerana sekadar sentuhan tidak boleh menyebabkan mengandung atau melahirkan anak. Apa yang dimaksudkan sebenarnya dalam ungkapan (لم يمسيني بشراً) merupakan kinayah kepada persetubuhan atau jimak (*Ibn ‘Atiyyah*, 2001). Ungkapan (لم يمسيني بشراً) jika diterjemahkan secara literal bermaksud “aku belum pernah disentuh oleh seorang lelaki pun”.

Dapat diperhatikan bahawa kedua-dua Terjemahan A dan Terjemahan B cenderung kepada teori terjemahan semantik kerana kedua-duanya mengekalkan sifat khusus teks asal. Ironinya, terjemahan tersebut bersifat setia kepada bentuk, laras dan pola yang ada pada teks sumber, serta berkisar dalam unsur budaya teks sumber tanpa membuat apa-apa penyesuaian mesej teks asal mengikut budaya sasaran.

Penulis berpandangan bahawa pengekaln bentuk, laras dan pola teks sumber pada kedua-dua terjemahan tersebut tidak menyebabkan kesamaran dan kekeliruan kepada makna sebenar teks sumber kerana wujudnya persamaan dalam sistem linguistik dan struktur semantik antara kedua-dua bahasa tersebut. Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) menjelaskan bahawa “sentuh” boleh membawa makna bersetubuh

pada penggunaan bahasa halus. Ini membuktikan bahawa pengekal bentuk, laras dan pola teks sumber boleh diaplikasikan jika mempunyai unsur budaya yang sama.

#### 4.0 PENUTUP

Juliane House (2013) mengatakan penterjemahan ialah proses penggantian teks asal dengan teks lain. Semasa menterjemah, yang diganti bukanlah konstituen-konstituen dalam teks asal tetapi teks berkenaan secara keseluruhan. Oleh itu, terjemahan daripada satu bahasa kepada satu bahasa yang lain secara asasnya adalah melibatkan dua (2) perkara iaitu pemindahan bentuk dan pemindahan makna. Bentuk bermaksud unsur-unsur yang terdapat dalam teks asal seperti perkataan, susunan ayat dan gaya bahasa (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2006).

Dalam pada itu bahasa mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan budaya. Oleh itu, penterjemah juga harus mengambil kira budaya bahasa sasaran dalam menterjemah teks sumber terutamanya dalam menterjemah gaya bahasa berbentuk retorik atau ayat figuratif, seperti *kinayah*. Penterjemah mesti menyedari dua (2) proses sebelum menterjemahkan *kinayah* dalam *al-Quran* iaitu i) penafsiran makna, dan ii) pengalihan makna. Dalam proses pengalihan makna, penterjemah boleh mengguna pelbagai pendekatan.

Merujuk kepada data yang dianalisa dalam kajian ini, penulis mendapati bahawa teori terjemahan semantik yang diperkenalkan oleh Newmark boleh digunapakai dalam menterjemahkan gaya bahasa *kinayah* jika kaedah itu memadai untuk menyampaikan maksud walaupun ianya mengekalkan bentuk asal bahasa sumber. Namun, terdapat juga gaya bahasa *kinayah al-Quran* yang tidak boleh diterjemahkan dengan cara tersebut kerana tidak memberikan maksud sebenar yang terkandung dalam mesej yang dibawa oleh al-Quran. Dalam hal ini, penterjemah perlu menggunakan pendekatan lain seperti teori terjemahan komunikatif atau menggunakan teori terjemahan semantik tetapi dengan membuat modulasi atau eksplisitasi. Ketepatan maksud dalam menterjemahkan ayat al-Quran adalah penting supaya terjemahan yang dihasilkan dapat memberikan kefahaman yang betul kepada pembaca.

## **PENGHARGAAN**

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak KUIS umumnya, dan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) serta Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) khususnya yang telah memberi peluang kepada penulis untuk menjalankan penyelidikan melalui dana Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2017 dari tempoh Disember 2017 hingga November 2018.

## RUJUKAN

- \_\_\_\_\_ *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (2006). *Teori dan Teknik Terjemahan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Al-Baydhawi, Nasir al-Din Abi Said Abdullah ibn Umar ibn Muhammad al-Syirazi. (2003). *Tafsir al-Baidhawi al-Musamma Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut, Lebanon.
- Al-Qurtubi, A.A. (2000). *Al-Jami’ li ahkam al-Qur’an*. ed. Salim Mustafa al-Badri. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al-Tabari, Abu Jaafar Muhammad ibn Jarir. (2005). *Jami’ al-Bayan ‘an Ta’wil Aayi al-Quran Tafsir al-Tabari*. Dar al-Salaam, Cairo, Egypt.
- Al-Zamakhsyari, Abu al-Qasim Mahmud ibn Umar ibn Muhammad. (1995). *Al-Kasyaf ‘an Haqa’iq Ghawamidh al-Tanzil wa ‘Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta’wil*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut, Lebanon.
- Azani Ismail @ Yaakub, Muhammad Fauzi Jumingan, Zulkifli Ismail & Azman Che Mat. (2015). Penterjemahan Leksikal Qala dan Derivasinya Dalam al-Quran: Satu Penerapan Teori Semantik dan Komunikatif. *Jurnal Penterjemah*. Januari-Jun. Jilid XVII. Bil. 1. 4-17.
- Berelson, B. (1952). *Content Analysis in Communication Research*. New York: The Free Press.
- Hatim, B & Mason, I. (1992). *Discourse and the translator*. London and New York: Longman.
- House, J. (2013). *Penterjemahan*. Terjemahan oleh Haslina Haroon. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Ibn ‘Asyūr, M. (1984). *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*. Tunis: al-Dar al-Tunisiyyah.
- Ibn Kathir, al-Imam al-Haafiz Imad al-Din Abu al-Fida’ Ismail. (2000). *Tafsir al-Quran al-‘Azim*. Tahqiq: Mustafa al-Syed Muhammad wa Muhammad al-Syed Rasyad wa Muhammad Fadhl al-‘Ujmawi wa Ali Ahmad al-Baati. Al-Jiizah: Muasasah Qurtuba wa Maktabah Aulad al-Syeikh li al-Turath.
- Ibnu ‘Athiyyah, al-Qadhi Abu Muhammad Abd al-Haq ibn Ghalib al-Andalusi. (2001). *Al-Muharrir al-Wajiz fi Tafsir al-Kitab al-Aziz*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut, Lebanon.
- Larson, M. L. (1984). *Meaning-Based Translation: A Guide to Cross-Language Equivalence*. Lanham, New York, Oxford: University Press of America.

- 
- Munday, Jeremy (2001). *Introducing Translation Studies: Theories and Applications*. Routledge: London
- Nasimah Abdullah. (2015). *Tarjamah al-Dalalaat al-Majaziyyah al-Qur'aniyyah : Dirasat Tahliliyyah li Asaliib al-Tarjamah fi al-Tarajum al-Malayuwiyyah al-Fardiyyah*. Disertasi Doktor Falsafah (tidak diterbitkan). Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Kuala Lumpur.
- Newmark, P. (1981). *Approaches To Translation*. Oxford: Pergamon Press Ltd.
- Newmark, P. (1994). *Pendekatan Penterjemahan*. Terjemahan Zainab Ahmad & Zaiton Ab. Rahman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nida, E. A. (1964). *Toward A Science of Translating: with special reference to principles and Procedures involved in bible translating*. Leiden: E. J. Brill.
- Nida, E. A. and Taber, C. R. (1982). *The Theory and Practice of Translation*. Leiden: E. J. Brill.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1996). Fungsi dan Pola Ganti Nama Melayu: Satu Interpretasi Semantik dan Pragmatik. *Akademia* 47. Hlmn. 85-99.
- Saifulah Samsudin. (2015). *Penterjemahan Metafora Dalam Kitab Riyadh Al-Salihin*. Disertasi Doktor Falsafah (tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia. Selangor.
- Siti Saodah Hassan. (1999). *Ilmu Bayan Satu Perbandingan Dengan Bahasa Melayu*. Dalam Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 43-53.
- Syed Arabi Idid. (2002). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.